

KENAPA KAMI PILIHAN ANDA

Perbezaan utama Kumpulan Liberty Mutual Insurance berbanding yang lain adalah misi berukuran kami iaitu untuk “membantu menyediakan persekitaran hidup yang lebih selamat dan terjamin” bagi masyarakat.

Bagi memenuhi misi ini, operasi perniagaan Liberty di serata dunia diurus sejajar dengan keabadian misi serta prinsip-prinsip yang jelas dan tidak boleh dipertikaikan:

- Kami berintegriti.
- Kami mengutamakan maruah dan kehormatan masyarakat.
- Kami menarik minat, membangun dan mengurus bakat.
- Kami memberikan pengalaman pelanggan yang luar biasa.
- Kami sentiasa menambah baik dan berinovasi.
- Kami melaksanakan secara menyeluruh dan menuntut kecemerlangan.



Ejen Sah

TALIAN KHIDMAT PELANGGAN
1 300 88 8990 / 03 2268 3333

E-MEL
customer@libertyinsurance.com.my

BANTUAN KECEMASAN JALAN RAYA
1 800 88 5005

LAMAN SESAWANG
www.libertyinsurance.com.my



Liberty General Insurance Berhad

197801007153 (44191-P)

Dahulunya dikenali sebagai AmGeneral Insurance Berhad

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Kenyataan Penting:

- Anda dinasihati supaya membaca dan memahami ringkasan produk ini seperti yang tertera di dalam Lampiran Pemberitahuan Produk yang boleh didapati di laman web kami www.libertyinsurance.com.my
- Sekiranya kereta anda mengalami kemalangan, anda perlu menghantar kereta anda ke panel bengkel yang diluluskan oleh kami atau mana-mana bengkel pembaikan lain yang telah kami berikan kebenaran khas kepada anda untuk digunakan.
- Kegagalan menghantar kereta anda ke panel bengkel yang diluluskan oleh kami untuk pembaikan akan dianggap sebagai pelanggaran polisi ini dan kami boleh menolak untuk membayar tuntutan Kerosakan Sendiri.
- Kami akan memastikan terdapat bilangan panel bengkel kami yang mencukupi untuk menyediakan akses yang munasabah dan mudah kepada anda.
- Jika tiada panel bengkel pembaikan yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan sekiranya berlaku kejadian, kami boleh mengikut budi bicara kami untuk memilih, sama ada membantu anda mengakses panel bengkel pembaikan kami yang berdekatan dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel terpilih tersebut tanpa sebarang kos untuk anda; atau membenarkan kenderaan yang rosak dibaiki di bengkel pembaikan berdekatan yang telah diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Bengkel Kenderaan Diluluskan PIAM (PARS), sebagaimana yang ditentukan oleh kami.
- Sila rujuk ke terma dan syarat polisi untuk maklumat lanjut.



KERETA PERSENDIRIAN EZY PLUS


(Komprehensif)
Kereta Bermotor
Persendirian Dipertingkat

Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Berikan kereta anda perlindungan motor lengkap terhadap kemalangan serta sebarang kejadian luar jangkaan menerusi perlindungan motor bertaraf 5-Bintang EZY Plus.

KESEMUA PERLINDUNGAN TAMBAHAN
DI BAWAH DIBERIKAN TANPA KOS TAMBAHAN
KEPADA PEMEGANG POLISI.



A. KEMALANGAN PERIBADI

(UNTUK PEMEGANG POLISI SAHAJA)

Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal

adalah dalam tempoh **180 hari** dari tarikh kemalangan yang melibatkan Kenderaan Yang Diinsuranskan sahaja.
(Rujuk skala di sebelah kanan)



B. PERBELANJAAN PERUBATAN

(UNTUK PEMEGANG POLISI SAHAJA)

Perlindungan

Sehingga **RM1,500** setiap kemalangan/setiap tuntutan.
Perlindungan sah untuk Kenderaan Diinsuranskan sahaja.
Bilangan tuntutan **tidak terhad** setiap tahun.

Manfaat (Diguna-pakai untuk Kereta Persendirian - Penggunaan Persendirian Sahaja)

Jumlah
Diinsuranskan
(RM)

Komprehensif

| | |
|---|-----------|
| Kematian akibat kemalangan | RM 10,000 |
| Kehilangan penggunaan kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki | RM 10,000 |
| Kehilangan penglihatan kedua-dua mata | RM 10,000 |
| Kehilangan penggunaan satu tangan dan satu kaki | RM 10,000 |
| Kehilangan penglihatan satu mata dan satu tangan atau satu kaki | RM 10,000 |
| Kehilangan penggunaan satu tangan atau satu kaki | RM 5,000 |
| Kehilangan penglihatan satu mata | RM 5,000 |
| Perbelanjaan pengebumian | RM 1,000 |



C. PENGGANTIAN KUNCI

(UNTUK KENDERAAN YANG DIINSURANSKAN SAHAJA)

Kos penggantian kunci kereta, kad kunci, mangga dan pemancar kunci **sekiranya dicuri oleh sesiapa yang tidak dikenali** atau orang asing sehingga had maksimum **RM500.00 setiap tahun polisi**.

Terhad kepada satu tuntutan setahun.



D. PENGGANTIAN KERUSI KANAK-KANAK

(UNTUK KENDERAAN YANG DIINSURANSKAN SAHAJA)

Kos penggantian kerusi kanak-kanak yang melibatkan Kenderaan yang Diinsuranskan hanya sahaja sah sekiranya:-

- (i) Kerosakan Akibat Kemalangan **
- (ii) Kecurian **
- (iii) Rosak akibat banjir **

Sehingga had maksimum **RM300.00.
Terhad kepada satu tuntutan setahun.

Sebarang tuntutan yang melibatkan perkara A, B, C & D
TIDAK menjejaskan Diskaun Tiada Tuntutan (NCD).
Lebih Tidak Dikenakan.
Tertakluk kepada Terma & Syarat Polisi.